



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/04/70 (HQ)

TNB SERU PIHAK PEMAJU UNTUK TIDAK CEROBOH RENTIS

- Kerja-kerja pembinaan dan premis kilang berhampiran mencerooboh ke dalam rizab talian TNB mengundang bahaya.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihati pemaju projek untuk tidak melakukan kerja-kerja terlalu hampir dengan kawasan izinlalu rentis (right-of-way) talian penghantaran voltan tingginya bagi mengelakkan kejadian percikan arka (arcing) yang boleh menggugat kestabilan sistem Grid Nasional.

Kerja-kerja di dalam kawasan rentis TNB pula amat dilarang kerana risiko percikan arka dan renjatan elektrik, serta gangguan bekalan kepada sistem Grid Nasional adalah lebih tinggi. Kawasan rentis menara talian penghantaran adalah dalam jarak 20 meter ke 30 meter di sebelah kiri dan kanan menara talian.

Ketua Pegawai Grid TNB Datuk Ir. Husaini Husin berkata, "Kami juga mengingatkan bahawa tiada kerja-kerja boleh dilakukan dalam kawasan izinlalu tanpa kebenaran TNB. Janganlah mencerooboh kawasan rentis TNB. Dapatkan atau maklumkan kami jika perlu menjalankan kerja di dalam kawasan rentis."

Menurutnya, pihak yang telah menerima kebenaran TNB untuk bekerja di dalam kawasan rentis TNB pula perlu berhati-hati bagi mengelakkan percikan arka dan sistem bekalan elektrik terpelantik, sekali gus ketiadaan bekalan pada kawasan yang luas.

"Ribuan pengguna akan terkesan. Percikan arka yang berlaku bukan sahaja boleh menyebabkan kehilangan harta, malah nyawa pelaku."

Beliau turut memaklumkan pihaknya mengesan tiga kejadian percikan arka menara penghantaran TNB, di Seberang Perai, Pulau Pinang; Kelang, Selangor dan Subang Jaya, Selangor yang berlaku baru-baru ini yang telah menyebabkan sistem bekalan elektrik terpelantik. Pada kejadian yang berlaku tersebut, operator kren yang terlibat telah mengalami renjatan elektrik yang mengakibatkan kecederaan serius dengan kelecuman tahap satu.

Amat dikesalkan juga kerana pihak pemaju projek yang sama telah gagal mematuhi nasihat TNB walaupun notis dan amaran telah dikeluarkan kepada pihak pemaju berkenaan. Adalah dikhuatiri, jika pemaju terus-menerus tidak mengendahkan notis dan amaran dari TNB,

gangguan bekalan mungkin akan berlaku lagi yang sekaligus boleh menjejaskan ramai pengguna di kawasan yang terlibat.

Menurut perundangan, apa-apa perbuatan yang menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana pemasangan adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM100 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Justeru, kami menyeru semua pihak terutama pihak pemaju dan pemilik premis kilang berhampiran talian voltan tinggi untuk sentiasa memberikan kerjasama demi keselamatan bersama. Keprihatinan semua pihak amat dihargai.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 April 2021, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Ketua Pegawai Grid TNB Datuk Ir. Husaini Husin